



4 Mei 2016
4 May 2016
P.U. (A) 119

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTI PENYELUDUPAN MIGRAN (KEBENARAN UNTUK BERGERAK BEBAS DAN UNTUK BEKERJA) (WARGANEGARA ASING) 2016

*ANTI-TRAFFICKING IN PERSONS AND ANTI-SMUGGLING
OF MIGRANTS (PERMISSION TO MOVE FREELY AND
TO WORK) (FOREIGN NATIONAL) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007

**PERATURAN-PERATURAN ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN
MIGRAN (KEBENARAN UNTUK BERGERAK BEBAS DAN UNTUK BEKERJA)
(WARGANEGARA ASING) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 66(2)(aa) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Kebenaran untuk Bergerak Bebas dan untuk Bekerja) (Warganegara Asing) 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 4 Mei 2016.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Pas Khas” ertinya suatu pas yang dikeluarkan di bawah peraturan 14 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;

“Pengawal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Imigresen [L.N. 228/1963].

Kebenaran bergerak bebas

3. (1) Majlis boleh memberikan kebenaran untuk bergerak bebas kepada mana-mana orang asing yang kepadanya perintah perlindungan interim telah diberi atau mana-mana orang asing yang diperdagangkan yang kepadanya Perintah Perlindungan telah diberi tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) suatu laporan pakar penilaian risiko berkenaan kesihatan fizikal, keadaan psikososial dan keselamatan orang asing atau orang asing yang diperdagangkan itu dikemukakan bagi pertimbangan Majlis;
 - (b) Majlis berpuas hati dengan laporan pakar penilaian risiko; dan
 - (c) kebenaran untuk bergerak bebas bagi orang asing atau orang asing yang diperdagangkan itu hendaklah tertakluk kepada syarat sebagaimana yang Majlis sifatkan perlu bagi keselamatan dan kesejahteraan orang asing atau orang asing yang diperdagangkan itu.
- (2) Mana-mana orang asing atau orang asing yang diperdagangkan yang telah diberi kebenaran untuk bergerak bebas di bawah subperaturan (1) hendaklah memenuhi semua syarat kebenaran oleh Majlis.
- (3) Mana-mana orang asing atau orang asing yang diperdagangkan yang dinafikan kebenaran untuk bergerak bebas boleh memohon untuk pertimbangan semula oleh Majlis.

Pas Khas

4. (1) Setiausaha Majlis hendaklah mengemukakan suatu permohonan kepada Pengawal untuk mendapatkan Pas Khas bagi mana-mana orang asing atau orang asing yang diperdagangkan yang telah diberi kebenaran untuk bergerak bebas oleh Majlis.
- (2) Pengawal hendaklah mengeluarkan suatu Pas Khas menurut peraturan 14 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 kepada mana-mana orang asing atau orang asing yang diperdagangkan untuk bergerak bebas.